

Headline	Malaysia tuan rumah Persidangan Pertubuhan AIDS Antarabangsa		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	28 Jun 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	19	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	249 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,398
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,194



Malaysia tuan rumah Persidangan Pertubuhan AIDS Antarabangsa

Kuala Lumpur: Malaysia dipilih sebagai tuan rumah bagi edisi ke-7, Persidangan Pertubuhan AIDS Antarabangsa (IAS) 2013, kerana kejayaannya menyediakan akses rawatan kepada penghidap HIV positif di negara ini.

Kepemimpinan Malaysia dalam mengurangkan epidemik yang membelenggu penduduk dunia sejak awal 1980-an di rantau Asia juga antara faktor pemilihannya menjadi negara Asia pertama menganjurkan persidangan saintifik terbesar di dunia mengenai HIV/AIDS, hujung minggu ini.

Presiden IAS yang juga Penerima Anugerah Nobel (Perubatan) 2008, Prof Françoise Barre-Sinoussi, berkata hakikat Malaysia yang tidak menghalang peng-

hidap HIV positif meneruskan hidup juga terpuji ketika sekurang-kurangnya 10 negara langsung tidak membenarkan penghidap HIV positif memasuki negara mereka.

Saintis wanita dari Perancis

yang menerima Anugerah Nobel kerana kejayaannya menemui virus HIV bersama mentornya, Luc Montagnier, pada 1983, menyifatkan pemilihan Malaysia sebagai keputusan tepat.

“Malaysia is truly Asia, dan kita melihat pemilihan Malaysia sebagai lokasi terbaik bagi semua pihak berkongsi kepakaran dan pengalaman bagi mengurangkan epidemik itu di serata dunia,” katanya kepada *BH* di ibu negara sejurus tiba dari Paris, petang semalam.

Rawatan awal

Dalam temu bual khas sempena Persidangan IAS 2013 Mengenai Patogenesis, Rawatan dan Pencegahan HIV yang bakal berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) selama empat hari bermula Ahad ini, Françoise, 66, tidak menunjukkan tanda keletihan walaupun 30 tahun berlalu dalam usaha saintis itu mencari ‘penawar’ HIV/AIDS.

“Kita masih mencari penawar, namun keadaan sudah semakin baik,” katanya sambil menegaskan

kan dengan rawatan awal, individu positif HIV mampu meneruskan hidup seperti manusia normal.

“Kuncinya... rawatan awal,” katanya menjelaskan kajian menunjukkan dengan rawatan awal boleh mengurangkan 95 hingga 96 peratus transmisi kepada pasangan.

Menyentuh mengenai cabaran stigma, Françoise yang juga Pengarah Divisyen Regulasi Jangkitan Retro-virus, Institut Pasteur, Perancis, berkata ia bergantung kepada masyarakat untuk mengubahnya kerana harapan sentiasa ada bagi individu positif.

Dekan Fakulti Perubatan Universiti Malaya yang juga Pengerusi Bersama IAS 2013, Prof Dr Adeeba Kamarulzaman, dilaporkan berkata, terapi gantian ‘Methadone’ dan program pertukaran jarum dijalankan kerajaan sejak 2006 berjaya mengurangkan penularan HIV dalam kalangan penagih dadah.

Headline	Malaysia tuan rumah Persidangan Pertubuhan AIDS Antarabangsa		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	28 Jun 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	19	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	249 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,398
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,194



“

Kita melihat
**pemilihan Malaysia
sebagai lokasi
terbaik** bagi semua
pihak berkongsi
kepakaran dan
pengalaman”

Francoise Barre-Sinoussi,
Presiden IAS